

21 FEB 1998

Mahathir-Indonesia

INDONESIA BERHAK LAKUKAN APA YANG IA FIKIR WAJAR - KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia menghormati kebebasan Indonesia untuk mengambil sebarang langkah yang ia fikir wajar dalam usaha mengatasi masalah ekonominya.

"Indonesia adalah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan sekiranya ia berhasrat melakukan sesuatu, ia harus digalakkan", katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Parti Rakyat Progresif (PPP) di sini.

Ditanya sama ada beliau merujuk kepada cadangan Indonesia menubuhkan sebuah lembaga mata wang, Perdana Menteri berkata perkara itu merupakan antara hak Indonesia untuk memutuskannya.

"Tetapi usaha-usaha untuk memaksa Indonesia menurunkan nilai rupiah merupakan satu penafian terhadap hak Indonesia untuk melakukan apa sahaja yang ia mahu," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau sendiri telah menghubungi Presiden Suharto, Dr Mahathir berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menemui pemimpin Indonesia itu "untuk diberi taklimat dan penerangan mengenai rancangan beliau".

Dr Mahathir sendiri juga telah mengadakan perbincangan dengan Suharto di Jakarta bulan lepas.

Ditanya mengenai bentuk persetujuan yang dicapai ekoran lawatan beliau ke beberapa buah negara Asean bagi membincangkan penggunaan mata wang negara-negara anggota dalam perdagangan serantau, Dr Mahathir berkata "semua pihak telah memberi persetujuan".

"Kita mahu mekanisme mengenainya diadakan dan terpulang kepada negara-negara untuk menentukan mata wang yang akan digunakan", katanya ketika ditanya sama ada cadangan itu akan dilaksanakan secepat mungkin dan sama ada dolar Singapura akan digunakan.

Dr Mahathir telah mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanah Bolkiah di Bandar Seri Begawan pada hari Rabu mengenai krisis ekonomi yang melanda negara-negara di rantau ini selepas melakukan lawatan yang serupa ke Bangkok, Manila dan Singapura.-- BERNAMA

AZZ oba